

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

**PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN
SAHIB@SAHIBUDDIN, FASc**

NAIB CANSOLOR UiTM

SEMPENA

MAJLIS SANJUNGAN BUDI

**ENCIK WAN HASMADI WAN MOHAMED
BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

29 FEBRUARI 2024 | KHAMIS

(RAKAMAN 28 FEBRUARI 2024)

BANGUNAN CANSELERI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Malaysia
MADANI dan Salam UiTM Di Hatiku.**

- **Yang Berusaha Barisan ahli MEU**
- **Yang diraikan, Encik Wan Hasmadi Wan Mohamed**
Bendahari UiTM; serta
- **Para hadirin yang dikasihi sekalian.**

1. Marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah izin-Nya, kita dapat berkumpul di dalam Majlis Sanjungan Budi yang akan menjadi satu lagi sejarah untuk UiTM dan warkah kenangan bagi yang diraikan iaitu **Encik Wan Hasmadi Wan Mohamed**, Bendahari UiTM yang akan bersara pada 1 Mac 2024.

2. Kami semua warga UiTM sesungguhnya amat terhutang budi kepada Encik Wan Hasmadi, di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Universiti sepanjang perkhidmatan selama 34 tahun, 3 bulan dan, 8 hari, bermula pada 23 November 1989 hingga 29 Februari 2024.

Para hadirin sekalian,

3. Seperti mana yang kita tahu, dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, sebagai Bendahari, beliau berusaha untuk memastikan kelestarian kewangan sentiasa mencukupi, tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti.

4. Kepada yang sememangnya lebih mengenali Encik Wan Hasmadi, beliau dikatakan seorang yang cukup berdedikasi dalam menjalankan tugas dan setiap tanggungjawabnya.

5. Setelah melalui pelbagai tahap kepimpinan, beliau ternyata cekal, sabar dan berjaya menghadapi pelbagai cabaran serta dugaan dalam pengurusan kewangan Universiti. Hanya mereka yang pernah melalui fasa-fasa tertentu sahaja yang merasai dan memahami, bahawa bukan mudah untuk menjadi Ketua atau pemimpin bagi sesebuah Jabatan, terutamanya yang melibatkan semua organisasi iaitu Pengurusan Kewangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Persaraan bukanlah penamat segala-galanya. Sebaliknya ia merupakan satu permulaan kepada kehidupan yang lebih bermakna, dalam suasana yang baharu. Pasti Encik Wan Hasmadi telah membuat persediaan untuk menghadapi alam

persaraan beliau. Tumpuan masa yang lebih banyak dapat diluangkan bersama keluarga tersayang, mahupun menjalani aktiviti-aktiviti yang diminati.

7. Justeru, saya mewakili warga UiTM mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Encik Wan Hasmadi atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan dalam menyemarakkan pelan tindakan Universiti dalam mencapai setiap misi dan visi yang ditetapkan.

8. Kami semua mendoakan agar Encik Wan Hasmadi dikurniakan kesihatan yang baik, terus diberkati serta mendapat rahmat dan redha Allah SWT di samping keluarga tercinta. Kami juga memohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau terguris hati sepanjang kita berinteraksi atau berkerjasama.

9. Selamat maju jaya dalam apa sahaja bidang yang diceburi dan selamat bersara. Semoga Ukhwah yang telah terjalin akan berterusan dan kekal bertaut sehingga akhir nanti.

10. Akhir kata, terimalah dua rangkap pantun khas buat Encik Wan Hasmadi.

Lipat sirih di tapak tangan,
Letak sekapur dalam dupa,

Budi yang baik jadi kenangan,
Budi tuan tak akan kami lupa.

Berasah parang bersepuh lama,
Menjadi senjata pahlawan handal,
Susah senang ditempuh bersama,
Menjadi jasa buat yang tinggal.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.